

16 MAY 2001

Musa-Guru

GURU PERLU BERPERANAN PENYEMARAK BUDAYA BERFIKIR, KATA MUSA

MELAKA, 16 Mei (Bernama) -- Guru perlu berperanan sebagai pembuka minda dan sentiasa menyemarak budaya berfikir di kalangan pelajar agar tahap kewibawaan orang ramai terhadap guru akan terus terpelihara dan disanjung tinggi.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata dalam perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sekarang yang dilihat sudah mampu mengambil alih peranan guru sebagai penyebar ilmu, guru perlu mengubah paradigma untuk berperanan sebagai agen transformasi yang menjadi pencetus perubahan.

"Malah, peranan inilah yang menjadi teras kepada pendidikan masa depan negara untuk melahirkan pekerja berilmu dan menjayakan wawasan negara menjadi sebuah negara maju berasaskan K-Ekonomi," katanya semasa berucap pada sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan 2001 di Dewan Seri Negeri di sini malam ini.

Sambutan Hari Guru 2001 yang bertema "Memertabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama" dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Musa turut menggesa para guru supaya memberi komitmen yang tinggi serta patuh kepada etika profesion perguruan kerana ukuran tinggi rendahnya martabat sesuatu profesion itu banyak bergantung kepada amalan dan sikap anggotanya.

"Jika semua guru berpegang teguh dan mengamalkan kod etika profesion khususnya menjalankan tanggungjawab terhadap para pelajar, tanggungjawab terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara, tanggungjawab terhadap rakan sejawatan dan profesion, maka dengan sendirinya martabat profesion ini akan dijulang dan dipandang tinggi oleh masyarakat," katanya.

Katanya lagi, pada tahun ini sejumlah RM148 juta diperuntukkan bagi melatih dan menghantar seramai 150,000 guru mengikuti pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam bidang kritikal seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Katanya Kementerian Pendidikan juga sentiasa prihatin dengan nasib para guru dan telahpun memperkenalkan kenaikan pangkat berasaskan tempoh yang kini telah dapat dinikmati oleh seramai 13,019 orang guru.

-- BERNAMA

APG ZAI RI